

LAPORAN SETIAUSAHA UNTUK MESYUARAT AGONG SURAU AN NUR KE 2

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Mesyuarat agong pertama telah dilaksanakan pada 14 Jan 2014 untuk melantik AJK pengurusan surau ini untuk tempoh selama 3 tahun sehingga tahun 2016. Minit mesyuarat agong pertama adalah seperti disediakan dalam mesyuarat ini.

Melalui mesyuarat AJK, segala aktiviti dan pentadbiran Surau untuk mencapai matlamat penubuhannya telah diperbincangkan. Sepanjang tempoh AJK bagi penggal 2014-2016, sebanyak 11 sesi mesyuarat AJK telah dilaksanakan. Purata mesyuarat AJK bersidang adalah 3 kali setahun. Minit mesyuarat untuk setiap mesyuarat AJK ada di dalam fail surau sekiranya perlu dirujuk. Antara agenda utama adalah pembentangan laporan kewangan dan membincangkan perkara perkara berbangkit.

Segala program Surau disusun rapi sejajar dengan fungsi Surau sebagai pusat aktiviti dakwah dan platform mewujudkan ikatan silaturrahim antara penduduk Islam di dalam kawasan perumahan Setia Eco Park. Aktiviti Surau yang telah dilaksanakan dikategorikan seperti berikut:

Aktiviti Umum

Aktiviti yang dikendalikan untuk karyiah muslimin dan muslimat. Kanak-kanak juga dijemput untuk turut serta.

- a) Kuliah Tafseer pada hari Ahad minggu pertama dan ketiga setiap bulan oleh penceramah jemputan.
- b) Kuliah Hadith telah diadakan bermula pada tahun 2015, tetapi hanya bertahan selama 2 bulan kerana penceramah terlalu komited dengan aktiviti di tempat lain. Kuliah Hadith akan diteruskan apabila penceramah yang sesuai diperolehi.
- c) Kuliah Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah diadakan sekali pada setiap bulan pada setiap hari Rabu minggu ketiga.
- d) Pengajian Al Qur'an dan Tajwid Dewasa- setiap hari Selasa selepas Maghrib.
- e) Tadarus Al Qur'an – setiap malam Khamis.

Aktiviti Muslimah

Aktiviti dikhususkan untuk Muslimah Surau An-Nur. Ianya dikoordinasikan oleh AJK Muslimah, Dr Anis Safura binti Ramli. Aktiviti adalah seperti berikut:

- a) Bagi Muslimah, Kuliah Tafseer diadakan setiap hari Sabtu secara bergilir dengan Surau As Salam Setia Damai.
- b) Pengajian Al Qur'an hari Selasa dan Jumaat antara Maghrib dan Isya – dilaksanakan secara berkumpulan seperti tadarus di bulan Ramadhan.

Aktiviti Kanak-Kanak

Aktiviti dikhususkan untuk Kanak-Kanak dan Remaja Surau An-Nur. Ianya dikoordinasikan oleh AJK Remaja, Sdra Zaini bin Zakaria. Aktiviti adalah seperti berikut:

- a) Pengajian Al Qur'an kanak kanak – setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat selepas Maghrib.
- b) Qiamullail bulan Ramadhan – dikendalikan oleh Ustaz pembimbing.
- c) Program Motivasi – dikendalikan oleh fasilitator jemputan pada cuti sekolah hujung tahun.

Pusat Urusan Jenazah Setia Alam

Surau An Nur telah dipilih sebagai salah satu dari beberapa pusat pengurusan Jenazah. Beberapa aktiviti meningkatkan keupayaan dari segi ilmiah telah dikendalikan:

- a) Kursus pengurusan jenazah telah diadakan pada tahun 2015 untuk peserta lelaki,
- b) Pada tahun 2016 kursus pengendalian jenazah untuk peserta di kalangan muslimah.

Aktiviti Khas

Diadakan sempena hari kebesaran calendar Islam dan Surau An Nur sebagai pusat urusan jenazah setempat.

- c) Bulan Ramadhan - Aktiviti bulan Ramadhan telah dilaksanakan semenjak Surau ini beroperasi.
- d) Hari Raya Qurban - Sambutan Hari Raya Aidil Adha dan majlis Qurban diadakan pertama kalinya pada tahun 2015, dan diadakan sekali lagi pada tahun 2016.
- e) Aktiviti sempena Maulid Nabi, Isra' Mi'raj, dan lain lain, iaitu ceramah oleh pensyarah jemputan.

Aktiviti Riadhah

Diadakan untuk memupuk ikatan silaturrahim yang lebih erat melalui aktiviti di luar Surau. Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan:

- a) Futsal Dewasa lawan Remaja – telah diadakan di padang futsal Kelab Canopy Setia Eco Park.
- b) Bowling – telah diadakan di KL Golf and Country Club.
- c) Golf – beberapa sesi permainan di Glenmarrie, Bukit Kemuning dan Kampong Kuantan Kuala Selangor.
- d) Basikal – diadakan setiap minggu di sekitar Setia Eco Park dan kawasan berhampiran.

Aktiviti Outreach

Diadakan untuk menyalurkan bantuan dari Kariyah surau ke mereka yang memerlukan untuk mewujudkan ikatan silaturrahim ke komuniti yang lebih luas:

- a) Sumbangan keperluan harian ke Pusat Jagaan Kanak Kanak Telaga Biru Kota Damansara. Ianya tidak diteruskan oleh kerana latarbelakang pusat tersebut yang meragukan.
- b) Bantuan kelengkapan Surau sekitar Eco Park – setakat ini bantuan mempertingkatkan (upgrade) sistem PA di Surau Pangsapuri Seroja.
- c) Bantuan bulan Ramadhan – menyediakan ruang tambahan untuk menampung Jemaah yang meningkat di Surau Pangsapuri Seroja.

Pada amnya sambutan daripada ahli kariyah amat menggalakkan. Adalah diharapkan AJK baru yang akan dilantik nanti akan dapat meneruskan segala usaha yang telah dilaksanakan dengan melaksanakannya dengan lebih baik.